

THE TITAN

richworks.com/thetitan

Industry View
PEPERANGAN
MEREPUT
BAKAT



RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

11 DISEMBER 2022 | BIL: 37
www.richworks.com

NANA MAHAZAN BEAUTY

MEMBINA
BISNES DAN
HIJRAH DIRI



BERMULANYA PERJALANAN NANA

“Vote for Nana” pasti ramai yang masih ingat tagline anak kelahiran Muar, Johor, Nurul Hana Che Mahazan ketika menyertai program realiti Akademi Fantasia bertahun-tahun dulu.

Beliau yang lebih dikenali dengan panggilan Nana Mahazan sering tampil ceria dan bertenaga.

Bintangnya terus bersinar apabila dilamar menjadi penyampai radio dan sempat bertugas di dua buah stesen radio terkenal tanah air.

Kemudian dari konti radio, Nana terus melebarkan kariernya sebagai pengacara televisyen.

KHASIAT KIWI TARUHAN USAHAWAN SELEBRITI

Walau sibuk dengan tugas sedia ada, ibu kepada Althea dan Aaqib ini turut berjinak-jinak dengan dunia perniagaan.

“Pada permulaannya saya mula berjinak-jinak berniaga kerana minat dan mengisi masa lapang. Ada yang tanya juga Nana pakai produk apa?” kata pengasas Nana Mahazan Beauty yang mana ditubuhkan pada 2018 dengan menjual alatan solek yang berkualiti pada harga berpatutan.

“Saya jual berus make up, banyak alatan masa tu. Saya suka benda yang berkualiti tetapi harganya agak mahal.

“Kenapa kita tak keluarkan produk sendiri pada tahap antarabangsa dan berkualiti tetapi harga tak terlalu mahal sangat,” katanya.

Pada 2017, Nana mengalami masalah kulit wajah yang serius.

Kata Nana lagi, kira-kira setahun lebih untuk bangkit daripada fasa ‘breakout’ itu dengan mencuba pelbagai jenis produk kulit.

Malah selepas ramai melihat perubahan wajahnya, Nana terlintas memasarkan rangkaian jenama produk penjagaan kulit sendiri.



DIRI SENDIRI CABARAN UTAMA

Disiplin, kesabaran, kesungguhan dan bijak membahagikan masa sangat signifikan untuk menjadi seorang yang mampu melakukan pelbagai tugas.

Mempunyai jadual waktu yang padat, itu cabaran utama yang perlu ditangani Nana.

"Cabaran pertama adalah diri saya sendiri. Bisnes memerlukan fokus dan komitmen yang tinggi.

"Cabaran saya paling besar untuk uruskan masa antara bisnes dan kerjaya sebagai pengacara," luahnya.

Namun, beliau masih mempunyai tujuan dan matlamat yang besar dalam perniagaan.

"Saya kena juga teruskan apa yang sudah

usahakan secara persistent dan konsisten.

"Banyak lagi yang belum dicapai. Berbakti pada mak abah, simpan duit untuk anak-anak, keluarga, adik-beradik, pasukan saya dan sebanyak mana yang boleh untuk bantu dan beri manfaat," jelasnya.

KITA TENANG, KITA MENANG

Selebriti sering kali dikatakan mudah membina bisnes kerana mempunyai pengaruh dan pengikut yang ramai.

Mengulas tentang pandangan ini, menurut Nana ia tak semudah seperti yang dijangkakan.

Tegasnya, menjalankan perniagaan memerlukan ilmu yang up to date, kalis krisis dan kekal relevan.

Mempunyai mentor menjadikan bangsa usahawan sepertinya lebih bersedia untuk



“SEBELUMINI SAYA RASA TAK LOGIK DAPAT CAPAI RM1 JUTA DALAM TEMPOH SINGKAT, SELAMAINI SAYA BERANGGAPAN MUNGKIN AMBIL MASA BEBERAPA TAHUN.”

melalui zaman krisis ekonomi dan kenaikan harga barang yang kini berlaku di seluruh dunia.

Tambah Nana, berada dalam program pementoran Titanium kendalian RichWorks International Sdn. Bhd. (RichWorks) memberinya kelebihan dalam berdepan dengan ketidaktentuan tersebut.

“Minda kita lebih bersedia dan sentiasa dapat peringatan awal daripada Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman.

“Bersedia membuatkan kita lebih tenang dan bila kita tenang, kita menang,” jelasnya.

PELAWAAN RAKAN

Mengimbau perjalanan menghadiri kelas pertama anjuran RichWorks, Nana dipelawa oleh seorang rakan lama untuk ke program percuma, Bina Bisnes Berjaya pada 2019.





"Masuk kelas pertama tu, saya tak faham. Ada muzik, datang nak belajar bisnes. Masa tu dalam hati betul ke kelas belajar bisnes ini, tak apalah tengah hari nanti aku balik."

"Tetapi dah habis kelas, minda saya betul-betul terbuka dan perspektif saya terhadap bisnes totally berubah," tegasnya.

Bak kata Dr. Azizan, fast action, fast results! Selepas kelas itu, Nana mengambil keputusan menyertai program Elite X.

"Daripada Elite X beberapa bulan selepas itu saya masuk program pementoran Spire. Seterusnya diterima dalam Titanium."

"Bila kita dah faham dan belajar, banyak benda sebenarnya kita tak tahu, rasa kita pandai sebenarnya tak," jelasnya.

Sejarah tercipta, Nana Mahazan Beauty meraih RM1 juta pertama dalam tempoh enam bulan saja setelah mendapat bimbingan dalam Spire.

"Sebelum ini saya rasa tak logik dapat capai RM1 juta dalam tempoh singkat, selama ini saya beranggapan mungkin ambil masa beberapa tahun."

"Tak pernah terfikir, sebab jualan sebelum itu sekitar RM200,000 lebih sahaja. Dah belajar, kenaikan tu berganda. Setengah tahun sejuta, lagi setengah tahun sejuta," maklumnya lagi.



HIJRAH

Siapa sangka, ilmu bimbingan dalam bisnes diperolehi Nana membuatkan beliau berhijrah untuk menjadi insan yang lebih baik.

Menurut Nana beliau umpama dalam pencarian jiwa ketika dibimbing oleh Dr. Azizan.

"Hijrah saya bila belajar dan apabila Dr. Azizan tunjukkan yang apapun berlaku atas izin Allah SWT.

"Kita sebagai hamba perlu buat apa untuk menggembirakan-Nya," luahnya lagi.

Nana memberitahu, secara jujurnya beliau belajar lebih tentang agama dengan Dr. Azizan.

"Saya sertai bagi belajar bisnes namun dalam masa sama belajar tentang betapa cantiknya Islam itu.

"Nana tahu mengapa kita perlu kaya. Sebab kita faham apa tujuan yang bukan saja untuk dunia tetapi juga membina akhirat.

"Bukan saja dengan bisnes, kami (ahli Titanium) mulakan hari dengan bacaan Ratib Al-Attas dan diikuti tazkirah setiap hari yang menjadi makanan jiwa," ujarnya.



PENCAPAIAN

"Daripada jualan sekitar RM200,000 pada 2020, ia meningkat berganda dan pada tahun lalu kami meraih RM2 juta," terangnya.

Lebih menggembirakan, pencapaian tertinggi baginya ialah apabila insan lain yang bersama syarikat turut berjaya mencapai impian mereka selain hijrah pada diri sendiri.

"Selain peningkatan pendapatan, mereka dapat ubah diri daripada kurang positif jadi lebih baik, sekarang mereka lebih gembira bersama Nana Mahazan Beauty.

"Ada yang sebelum ini tak dapat beli barang kemas kini dapat beli, suri rumah dapat belikan hadiah dan bantu ekonomi suami," ujarnya.

Bagi yang berminat untuk menjana pendapatan dan maklumat lanjut produk, anda boleh layari laman sesawang www.nanamahazan.com.



PERTAMA, mulakan perniagaan dengan ilmu.

“Jangan jadi seperti saya sebab tak belajar awal-awal. Banyak langgar dinding, banyak tak faham, banyak tak tahu dan tak tahu hala tuju.

“Siapa yang nak mula bermula, mulalah dengan ilmu. Sebab kita dapat meminimakan kerugian dan kesalahan,” jelasnya.

KEDUA, berada dalam circle yang betul.

“Sangat penting kena ada circle yang betul. Kalau kita nak bermula kita bergaul dengan orang bermula sebab mereka ada banyak tip, nasihat yang boleh kita dapat dan tanya. Kita kena tengok ke mana arah tujuan kita,” ujarnya.

KETIGA, fokus, konsisten dan jangan putus asa.

“Jangan pernah give up. Kena konsisten dalam apa juga yang kita buat. Fokus dan berikan 110 peratus,” katanya.

KEEMPAT, mesti lakukan tindakan.

“Bila kita dan belajar, circle pun dah best tapi jika tak buat, tak ada usaha tak jadi juga. Nak buat bisnes tapi tak ada tindakan. Tak boleh begitu. Kita mesti lakukan tindakan, baru dapat hasil,” kongsi Nana mengakhiri temu bual ini. T

NASIHAT NANA MAHAZAN

PEPERANGAN MEREBUT **BAKAT**



Pengurusan bakat merupakan satu elemen penting dalam meningkatkan kebolehan seseorang individu.

Melalui sistem pengurusan ini, akan memberi impak baik kepada sesebuah organisasi yang bertindak sebagai majikan.

Menurut pandangan pengasas Apple, Steve Jobs, syarikat gergasi yang dimiliki beliau bukan kerana kepandaian dirinya tetapi mempunyai pekerja berbakat dalam kemahiran masing-masing sehingga menjulang jenama Apple di serata dunia.

Penjelasan dibuat beliau menyatakan sekiranya sesebuah organisasi atau syarikat ingin membangunkan prestasi ke tahap lebih tinggi, maka salah satu faktor ialah mempunyai sebilangan pekerja yang mempunyai bakat supaya prestasi kerja juga dapat dimaksimumkan.

PENGURUSAN BAKAT

Menurut pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr. Azman Ismail dan Siti Zarina Mohd Ghazali, bakat atau talent merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk mewujudkan perbezaan yang ketara terhadap prestasi dan pencapaian syarikat pada masa kini dan masa akan datang.

Dalam konteks ini, pengurusan bakat

merangkumi aspek pengenalpastian, tarikan, integrasi, pembangunan, motivasi dan mengekalkan individu yang penting kepada organisasi.

Pengurusan bakat mengikut pandangan Islam pula berdasarkan kebolehan menggunakan segala sumber alam sama ada berbentuk kebendaan atau kemanusiaan yang dikurniakan oleh Allah.

Matlamat utama dalam pengurusan bakat mengikut perspektif Islam terbahagi kepada dua iaitu matlamat jangka masa panjang dan pendek.

Matlamat jangka masa pendek adalah untuk meningkatkan prestasi kerja atau produktiviti ketika bekerja.

Manakala matlamat jangka masa panjang pula untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT.

INDUSTRI BERIMPAK TINGGI

Pertumbuhan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan perkembangan industri berimpak tinggi sangat memerlukan pengurusan bakat merangkumi usaha mengenal pasti, membangun serta mengekalkan bakat dalam kalangan pekerja sesebuah organisasi.

Ketiga-tiga komponen itu perlu dilaksanakan mengikut peringkat ke arah tumpuan kesinambungan bakat tetapi negara masih berdepan isu dan cabaran berkaitan pengurusan bakat yang perlu segera diatasi.

Cabaran itu boleh dilihat berdasarkan Statistik Tenaga Buruh dikeluarkan Jabatan Perangkaan sekitar Jun 2021 menunjukkan 768,700 orang atau pada kadar 4.8 peratus pengangguran direkodkan, manakala indikator pasaran buruh untuk suku kedua tahun ini didominasi kategori tidak mahir, iaitu 1.1 juta atau 12.9 peratus; 5.4 juta separa mahir (62.2 peratus) dan 2.1 juta pekerja berkemahiran tinggi (24.9 peratus).

Senario ini perlu diberi perhatian kerana negara perlu meningkatkan jumlah tenaga kerja berkemahiran tinggi kepada lebih 40 peratus pekerja menjelang 2030 untuk meningkatkan daya saing bersama negara maju.

REBUT BAKAT

Bagi menarik bakat asing terbaik dalam semua sektor, Singapura akan memperkenalkan visa dan kepakaran luar negara, manakala Indonesia dilaporkan sedang mempertimbangkan visa menarik ‘pengembara digital’ untuk bekerja di negara itu.

Fenomena ini dikaitkan dengan apa pernah terjadi, iaitu ‘peperangan merebut bakat’ melalui kajian pada 1997 oleh firma McKinsey, merujuk kepada situasi persaingan organisasi secara besar-besaran menarik bakat terbaik bagi memperkuuh tahap daya saing.

Bagi Malaysia, keperluan bakat ini semakin meningkat bagi industri seperti perkhidmatan global, elektrik dan elektronik, kreatif, aeroangkasa, pelancongan, halal, biojisim dan pertanian pintar diklasifikasikan sebagai berimpak tinggi.

Sehubungan itu, Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Arau, Dr.

**FENOMENAINI
DIKAITKAN DENGAN
APA PERNAH TERJADI,
IAITU ‘PEPERANGAN
MEREBUG BAKAT’
MELALUI KAJIAN
PADA 1997 OLEH
FIRMA MCKINSEY,
MERUJUK KEPADA
SITUASI PERSAINGAN
ORGANISASI SECARA
BESAR-BESARAN
MENARIK BAKAT
TERBAIK BAGI
MEMPERKUKUH
TAHAP DAYA SAING.**

Muhammad Aiman Arifin dan Dr. Razlina Razali mencadangkan pendekatan efektif perlu dijadikan tunjang untuk mewujudkan platform menelusuri potensi bakat tempatan meliputi seluruh pelusuk negara.

Penganjuran pameran kerjaya secara meluas juga mampu menarik bakat baharu di setiap negeri menerusi pembabitan pelbagai syarikat dari pelbagai industri utama bagi memacu ekosistem pembangunan bakat negara.

Ini dapat meningkatkan interaksi potensi bakat bersama majikan dengan berkongsi informasi terkini bagi industri ingin diceburi, selain meningkatkan tawaran dan membuka peluang pekerjaan tersedia.

PEKERJA BERKEMAHIRAN

Hasil Laporan Bakat Masa Depan LinkedIn mendapat sebahagian besar syarikat di Malaysia lebih memilih mengupah pekerja yang mempunyai kemahiran, melebihi kelayakan

seperti tahap pendidikan atau pengalaman.

Bagi melaksanakan proses pengambilan pekerja berdasarkan kemahiran, pemimpin Sumber Manusia (HR) memanfaatkan kekuatan data dan pandangan.

Hampir sembilan daripada 10 syarikat di Malaysia memahami pentingnya menggunakan pandangan berdasarkan data dalam keputusan pengambilan mereka.

Malah, syarikat Malaysia (55 peratus) memimpin rantau ini dalam menggunakan data secara kerap untuk pemetaan kemahiran dengan keperluan jawatan terbuka.

Bidang penggunaan data tertinggi ialah dalam mengenal pasti kemahiran yang diperlukan pada masa depan (57 peratus), kemahiran teknikal tertinggi yang diperlukan untuk peranan atau profil tertentu (55 peratus) dan mengukur prestasi pekerja (52 peratus).

SUMBER MANUSIA

HR merupakan antara perkara yang penting bagi perusahaan.

Apabila menambah tenaga kerja, ia membolehkan para pengasas perniagaan melepaskan sesetengah tugas ke tangan pekerja untuk menumpukan perhatian kepada usaha mengembangkan bisnes mereka.

JobStreet merupakan laman web sumber kerjaya dan merupakan satu platform pekerjaan terawal ditubuhkan di Malaysia.

Bagi pengusaha baru yang masih mencari pekerja dan tidak tahu di mana untuk bermula, maka JobStreet merupakan platform yang terbaik buat anda.

Dengan lebih daripada 4.1 juta calon berdaftar, peluang untuk majikan mencari calon yang sesuai adalah sangat tinggi.

Selain JobStreet, terdapat laman web lain yang turut popular seperti Linkedin, MauKerja, Wobb (Working on Bean Bags), dan Intern.my

Sehubungan itu, aspek bakat atau dengan kata mudah pasukan dalam bisnes anda sangat penting dan perlu dijaga dengan betul.

Tanpa adanya pasukan yang kuat, sukar untuk bisnes anda berkembang ke tahap lebih tinggi. Dapatkan bakat yang betul, terapkan menerusi nilai, misi dan visi bisnes anda agar semuanya align dalam mencapai apa yang disasarkan.

Ia tidak mudah dan berlaku semalam, sebaliknya merupakan suatu proses untuk bangsa usahawan lalui dan membinanya setiap masa. 



Best+

Business
Evaluation
Success
Transformation



BISNES CHECK-UP:

- Duit koyak!
- Bisnes sakit
- Perniagaan sendiri tapi tak ada gaji
- Buat bisnes lagi tak ada masa, lebih baik bekerja!
- Sales macam banyak tapi tak tahu pergi mana
- Staf ramai tapi macam semua kena buat sendiri

<https://richworks.com/best>

PLATFORM ZOOM



MILLIONAIRE MARKETING MASTERCLASS

NOV 2022 – FEB 2023

richworks.com/mmm



Kejayaan Bisnes & Wang 2023



Mentor Usahawan
DATUK WIRA
DR. AZIZAN OSMAN

NAK-UBAH HIDUP

4 - 6 FEBRUARI 2023
Setia City Convention Centre (SCCC)

www.NakUbahHidup.com

E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAHINI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.